



**PERATURAN PERMAINAN TENIS INDIVIDU
KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KARiSTA UiTM)**

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Tennis Antarabangsa (ITF) dan Persatuan Lawn Tennis Malaysia (LTAM). dan Peraturan Am Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM.

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara **TENIS INDIVIDU**.

3.0 FORMAT PERTANDINGAN

3.1 Pertandingan Individu

- 3.1.1 Perseorangan Lelaki
- 3.1.2 Bergu Lelaki
- 3.1.3 Bergu Wanita
- 3.1.4 Bergu Campuran
- 3.1.5 Bergu Lelaki Veteran

3.2 Pendaftaran dan pembentukan pasukan

- 3.2.1 Setiap kampus dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 1 orang pemain bagi setiap acara perseorangan.
- 3.2.2 Setiap kampus dibenarkan mendaftar tidak lebih dari 1 bergu (2 pemain).
- 3.2.3 Setiap pemain dibenarkan menyertai 1 kategori acara yang dipertandingkan.
- 3.2.4 Borang pendaftaran pemain yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan atau pada tarikh akhir yang telah ditetapkan. Hanya pemain yang didaftarkan di dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam kejohanan ini.
- 3.2.5 Borang pendaftaran perlawanan hendaklah diserahkan kepada pegawai teknikal yang bertugas di meja teknikal 15 minit sebelum perlawanan dimulakan.

3.3 Ringkasan Penyertaan

FORMAT PERTANDINGAN (INDIVIDU)	ATLET	
	LELAKI	WANITA
PERSEORANGAN	1	-
BERGU	2 (1 PAIR)	2 (1 PAIR)

BERGU CAMPURAN	2 (1 PAIR)	
BERGU VETERAN	2 (1 PAIR)	-

4.0 PERALATAN

- 4.1 Pihak penganjur hanya menyediakan bola untuk pertandingan.
- 4.2 Menjadi tanggungjawab pengurus pasukan dan pasukan bagi menyediakan peralatan lain yang difikirkan perlu bagi setiap perlawanan.

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 5.1 Pertandingan dijalankan secara kalahmati (knock out) mengikut Peraturan Am.
- 5.2 Pusingan awal dan suku akhir akan ditentukan dengan kiraan pro set (8), 8/8 tie break.
- 5.3 Keputusan perlawanan separuh akhir dan akhir akan ditentukan dengan tiga set terbaik (Best of 3 set).
- 5.4 Sistem kiraan tambahan (Tie Break System) akan dijalankan apabila kiraan 6-6 di dalam sesuatu set.
- 5.5 Pada peringkat awal sehingga sukuakhir, pengadil yang disediakan adalah secara "Rooming Empire". Pada peringkat separuh akhir dan akhir "Chair Empire" akan disediakan.

6.0 UNDIAN

Undian untuk perlawanan ini akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan.

7.0 PAKAIAN

- 7.1 Bersesuaian dengan permainan tenis.
- 7.2 Bagi acara bergu, baju pemain (sekurang-kurangnya dari segi warna) hendaklah sama dengan pasangannya di dalam setiap perlawanan.
- 7.3 Pakaian pemain terdiri daripada seluar pendek atau seluar trek panjang, baju-T berkolar atau tanpa kolar, stoking dan kasut getah. Untuk pemain wanita pula, skirt atau seluar panjang. (Warna sebaik-baiknya putih) atau baju pasukan masing-masing.

8.0 BANTAHAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

9.0 JURI RAYUAN

Sila rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am.

10.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan KARI STA UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.